**KEMENTERIAN PENDIDIKAN**
**JABATAN PENDIDIKAN NEGERI PERLIS**

# NOTIS TAWARAN SEBUT HARGA

**NO.SEBUT HARGA: JPNPs/SH/23/2025**
**SEBUTHARGA KERJA-KERJA PENGGANTIAN BUMBUNG, SILING DAN KERJA-KERJA PENDAWAIAN ELEKTRIK SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI SEKOLAH KEBANGSAAN SERI PERLIS**

---

Sebut harga ini adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor yang mempunyai alamat pendaftaran syarikat di Negeri Perlis dalam gred, kategori, pengkhususan & jenis pendaftaran yang berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran bagi menyertai sebut harga. Kontraktor-kontraktor berkaitan yang berminat untuk menyertai sebut harga ini hendaklah memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan seperti di bawah:

| GRED/TARAF | PENDAFTARAN & TAKLIMAT | SYARAT PENDAFTARAN |
|---|---|---|
| **GRED:**<br>G2/Bumiputera (beralamat dalam Perlis sahaja)<br><br>**KATEGORI:**<br>B & CE<br><br>**PENGKHUSUSAN:**<br>B15, B24 & CE21 | **TARIKH :** 28 Ogos 2025 (Khamis)<br>**TEMPAT:** Dewan Ibnu Sina, SK Seri Perlis<br><br>**PENDAFTARAN:** 9.00 Pagi<br>**TAKLIMAT**: 9.30 Pagi<br><br>**LAWATAN TAPAK :** SK Seri Perlis (9.30 pagi) (WAJIB)<br><br>**DOKUMEN SEBUT HARGA: PERCUMA**<br><br>***Softcopy*** dokumen sebut harga boleh dimohon mulai **28 Ogos 2025 (Khamis)** mulai jam **2.30 Petang** Sila bawa USB pendrive untuk tujuan memuat turun dokumen sebutharga di Unit Perolehan, SIP JPN Perlis (Aras 3).<br><br>**TEMPAT MENGEMUKAKAN DOKUMEN :**<br><br>**Kotak Sebut harga**<br>**Aras 2, Jabatan Pendidikan Negeri Perlis01000 Kangar, Perlis**<br><br>Kotak Sebut harga akan **DITUTUP** pada **jam 12.00 tengah hari** pada **4 September 2025 (Khamis)**. | Memenuhi syarat-syarat seperti berikut:<br><br>**1.** Berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia dan mempunyai **Sijil Pendaftaran SSM yang aktif.**<br><br>**2.** Berdaftar dengan CIDB dan mempunyai **Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK)** dan **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) yang aktif.**<br><br>**3.** Berdaftar dengan PKK dan mempunyai **Sijil Kontraktor Kerja Taraf Bumiputera (STB) yang aktif.**<br><br>**4.** Berdaftar dengan LHDN dan mempunyai **Sijil Pematuhan Cukai (TCC) berstatus PATUH.**<br><br>**5.** **Hadir taklimat** & mendapatkan **pengesahan lawatan tapak** di borang yang akan dikemukakan semasa taklimat. |

**PENTING:**

1. Kaunter pendaftaran bagi sesi taklimat akan dibuka pada jam 9.00 pagi sehingga 9.30 pagi sahaja. **Pendaftaran LEWAT tidak dibenarkan untuk menyertai Sebut Harga.**

2. **Kontraktor yang hadir ke Taklimat dan Lawatan Tapak hendaklah membawa bersekali Kad Pengenalan, sijil-sijil ASAL (SSM, CIDB, SPKK, Sijil Taraf Bumiputera dan TCC) dan SALINAN (tidak akan dikembalikan).** Hanya **Penama di dalam Sijil Akuan Pendaftaran**Syarikat **boleh menghadiri sesi taklimat** dan lawatan tapak yang diadakan. Kontraktor / syarikat tidak boleh mewakilkan pegawai selain daripada penama di dalam PPK, SPKK atauSijil Akuan Pendaftaran Kontraktor. **Perwakilan kuasa adalah tidak dibenarkan sama sekali. Kebenaran khas dalam kategori dan pengkhususan adalah tidak dibenarkan sama sekali.**

3. Tuan-tuan dinasihatkan untuk memastikan tarikh **SAH LESEN** sekurang-kurangnya **TIGA (3) BULAN** dari tarikh tutup sebutharga. **KEGAGALAN** berbuat demikian **BERKEMUNGKINAN BOLEH MENJEJASKAN** peluang bidaan yang dimasuki oleh tuan-tuan.

4. **Dokumen SEBUT HARGA** yang telah sempurna diisi dan ditandatangani hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri, **dengan nombor dan tajuk Sebut Harga dituliskan** di sampul dan dimasukkan ke dalam peti Sebut Harga **YANG BETUL** di alamat berikut: **Aras 2, Jabatan Pendidikan Negeri Perlis, 01000 Kangar, Perlis**

5. Semua kos yang berkaitan dengan tawaran Sebut Harga di atas adalah tanggungjawab kontraktor. Tawaran yang **LEWAT** diterima tidak akan dipertimbangkan sama sekali.

6. Jabatan Pendidikan Negeri Perlis **tidak terikat** menerima tawaran terendah atau sebarang tawaran atau memberi apa-apa sebab sesuatu tawaran itu ditolak dan juga tidak bertanggungjawab ke atas perbelanjaan berkaitan tawaran ini.

7. Sebarang pertanyaan berkaitan sebut harga ini, boleh menghubungi:

    - Pn. Nor Azah binti Yaacob, Unit Perolehan, SIP JPN Perlis (04-9737702)
    - Pn. Zuzaina binti Yatim Unit Perolehan, SIP JPN Perlis (04-9737768)
    - Ir. Ts Norshaheera binti Kamis, Unit Pembangunan & Pengurusan Infrastruktur (04-9737668)